

BAB 4

PERUBAHAN SOSIOEKONOMI PENDUDUK KAMPUNG TRADISI: IMPLIKASI PENUBUHAN BANDAR DARULAMAN

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain

PENGENALAN

Pertumbuhan sesebuah bandar sebenarnya mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti hidup manusia semenjak zaman prasejarah sehingga ke hari ini. Ini kerana pembangunan bandar merupakan pemangkin kepada pertumbuhan kegiatan ekonomi, perindustrian, perdagangan yang dapat menambahkan peluang pekerjaan dan membangunkan perumahan yang sesuai dan selesa. Namun, bukan semua kewujudan sesebuah bandar dapat membantu untuk mencapai matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat kerana tidak semua proses pertumbuhan bandar akan meninggalkan kesan yang baik.

Sebaliknya, terdapat pelbagai masalah yang wujud sama ada dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran kawasan berkenaan (Ibrahim, 1991). Semenjak Bandar Darulaman diwujudkan pada tahun 1996, tiada kajian dilakukan berkenaan dengan kampung-kampung tradisional, kecuali bancian penduduk negara yang diadakan selama sepuluh tahun sekali. Walau bagaimanapun, banci penduduk negara tidak mengkaji persoalan seperti penyakit sosial, kemudahan asas dan seumpamanya. Justeru, artikel ini akan cuba mengkaji kesan limpahan pembangunan Bandar Darulaman terhadap kampung-kampung tradisional yang terhampir dengan bandar tersebut.

LATAR BELAKANG DAN KONSEP BANDAR

Perkembangan bandar bermula di Britain akibat daripada peningkatan jumlah penduduk pada abad ke-19 dan 20 di beberapa buah bandar utama ekoran daripada kepesatan aktiviti perindustrian.

Peningkatan jumlah penduduk yang mendadak disebabkan oleh keperluan tenaga buruh yang ramai dan kebanyakan bandar di negara tersebut tidak dapat menampung kemasukan mereka ke negara tersebut. Justeru, situasi ini menimbulkan masalah sosial seperti jenayah, kemiskinan, setinggian, pengangguran dan sebagainya. Oleh itu, keadaan sebegini yang menjadi asas kepada pembinaan bandar baru di negara maju dan negara sedang membangun (Osborn, 1969; Golony, 1976).

Konsep bandar yang pertama telah diutarakan oleh Ebenezer Howard pada tahun 1905 melalui idea "bandar dalam taman". Bandar yang dibina ini mempunyai persekitaran kehidupan yang sihat dan menjalankan aktiviti ekonomi yang bersesuaian serta berhampiran dengan kawasan luar bandar. Dengan kata lain, konsep yang diutarakan oleh beliau adalah menggabungkan unsur bandar dan luar bandar dan akhirnya terdapat dua buah bandar baru di Britain, iaitu Letchworth yang dibina pada tahun 1903 dan Welwyn pula dibina pada 1919 (Clapp, 1971; Cherry, 1972; Campbell, 1976).

Menurut Brooks (1994), kebanyakan bandar dibina berkonsepkan pembangunan pada skala yang besar dan dirancang dengan baik. Pembinaan bandar baru kini biasanya mempunyai pelan yang telah ditentukan fungsi bandar tersebut misalnya sebagai bandar perindustrian, pentadbiran, kebudayaan dan sebagainya. Selain itu, pembinaan bandar juga dirancang bagi suatu jangka masa tertentu untuk mengimbangi keperluan penduduk di kawasan berkenaan sama ada bagi perumahan, perniagaan, perkhidmatan dan sebagainya.

Di Malaysia, idea dan konsep pembinaan bandar berdasarkan pengalaman mewujudkan kampung baru, bandar baru pinggir bandar, bandar baru pertanian (Felda) dan bandar baru luar bandar. Bandar baru yang pertama di Malaysia dibina pada 1950-an, iaitu Petaling Jaya yang diwujudkan bagi mengurangi kepadatan penduduk bandar Kuala Lumpur ekoran daripada pembangunan aktiviti perindustrian yang semakin pesat (Sulong, 1985).

Penubuhan bandar di Malaysia juga mempunyai sebab yang sama dengan negara lain, ekoran kepadatan penduduk yang berlaku di sesebuah kawasan. Pembinaan bandar baru juga didorong oleh

kerajaan bagi mewujudkan persekitaran bandar yang lebih baik dan terancang kerana bandar merupakan tempat yang menawarkan perkembangan infrastruktur dan kesejahteraan sosial. Dengan kata lain, pembinaan bandar baru adalah sebagai salah satu kesan hasil daripada gerak balas kepada sesuatu masalah ekonomi dan sosial.

Konsep Pembangunan Bandar Darulaman

Pembangunan Bandar Darulaman di Tanah Merah, Jitra berfungsi sebagai Bandar Satelit Alor Star ini disebabkan oleh keluasan bandar raya Alor Star yang tidak lagi dapat menampung ledakan pembangunan yang semakin pesat berlaku. Kewujudan bandar ini, diharapkan dapat menampung ledakan pembangunan yang berlaku di bandar raya Alor Star. Pembangunan yang dijalankan di Bandar Darulaman merangkumi kawasan perindustrian, perniagaan dan petempatan yang dapat menarik minat para pelabur dan seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar bandar tersebut khususnya. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Jamilah (1994), mendapati bahawa sebelum pembangunan Bandar Darulaman, pendapatan penduduk di kawasan kajian ialah sekitar RM500-RM700 manakala selepas pembangunan dijalankan telah meningkat kepada RM700-RM900.

Konsep pembangunan ini memberi keutamaan kepada pencapaian dasar kerajaan negeri Kedah untuk membangunkan Bandar Darulaman sebagai pusat perindustrian. Konflik guna tanah pertanian dan perbandaran akan dapat dikurangkan dengan adanya penumpuan pembangunan di Bandar Darulaman. Selain itu, kewujudan Bandar Darulaman ini akan membantu mengekalkan serta meningkatkan mutu alam sekitar di bandar raya Alor Star.

Melalui konsep ini, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan Bandar Darulaman sebagai bandar satelit kepada Alor Star. Fungsi utama bandar satelit ini ialah menyokong peranan bandar raya Alor Star dengan cara menyediakan peluang pekerjaan melalui sektor perindustrian. Sementara itu, Alor Star akan mengekalkan fungsinya sebagai pusat utama pentadbiran, perniagaan dan perkhidmatan, rekreasi serta kebudayaan.

Pembangunan Bandar Darulaman juga adalah selaras dengan usaha-usaha ke arah pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru. Ini kerana dengan pembinaan bandar ini akan membuka peluang kepada kaum Bumiputera untuk berkecimpung dalam sektor perdagangan dan perindustrian serta dapat meningkatkan taraf hidup mereka secara tidak langsung (Majlis Perbandaran Kota Setar, 1996).

KAWASAN KAJIAN

Bandar Darulaman berada dalam kawasan yang strategik dan mempunyai kemampuan untuk berkembang dengan pesat kerana berdekatan dengan pekan Jitra, iaitu sejauh tiga kilometer. Selain daripada kedudukannya berhampiran dengan Lebuhraya Utara-Selatan Bandar Darulaman juga terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dan dipisahkan daripada bandar raya Alor Star sejauh 18 kilometer (Majlis Daerah Kubang Pasu, 1996).

Pembangunan Bandar Darulaman dikendalikan oleh Syarikat Darulaman Realty Sdn. Bhd. (DRSB), iaitu sebuah syarikat usaha sama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Peremba Berhad dan Syarikat Maluri Sdn. Bhd. Bandar ini dibina pada tahun 1981 bertujuan untuk membuka peluang bagi kaum Bumiputera melibatkan diri dalam sektor pembinaan, perindustrian dan perdagangan (Majlis Perbandaran Alor Setar, 1991). Manakala kampung tradisional yang dikenal pasti berhampiran dengan bandar ini ialah Kampung Paya Kercut, Kampung Muhibbah, Kampung Tok Keramat dan Kampung Pantai Halban. Kampung-kampung ini terletak mengelilingi Bandar Darulaman misalnya Kampung Pantai Halban berada di sebelah selatan, Kampung Muhibbah berada di sebelah timur, Kampung Paya Kercut berada di sebelah utara dan Kampung Tok Keramat berada di sebelah barat.

DRSB memulakan operasinya dengan membeli sebuah estet getah seluas 890.3 hektar daripada syarikat swasta di Tanah Merah. Asas pembelian ladang getah tersebut adalah untuk menjadikan kawasan tersebut dan sekitarnya sebagai sebuah bandar yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur dan riadah dalam usaha memenuhi keperluan dan cita rasa penduduk di bandar tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti perubahan sosioekonomi penduduk kawasan kajian sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darulaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah lapangan bagi mendapat data daripada penduduk di kampung tradisional yang telah dikenal pasti di sekitar Bandar Darulaman, Jitra. Kaedah persampelan kajian ini dijalankan secara rawak mudah dan responden yang terlibat ditemu bual menggunakan borang soal selidik berstruktur. Hanya ketua isi rumah yang berkeluarga dan anak jati kampung sahaja terlibat dalam kajian ini. Anggaran penduduk bagi empat buah kampung iaitu Kg. Paya Kercut, Kg. Muhibbah, Kg. Tok Keramat dan Kg. Pantai Halban adalah berjumlah 1,000 orang berdasarkan perangkaan yang diberikan. Oleh itu, pembahagian sampel dibuat berdasarkan agihan sama rata (*stratified sampling*) di keempat-empat buah kampung. Berdasarkan Sekaran (1992), saiz sampel yang disarankan adalah sekurang-kurangnya 278 sampel bagi memperoleh keputusan yang baik. Justeru, kajian ini mengguna pakai saranan yang diutarakan oleh beliau.

Soal selidik yang digunakan terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A- Merangkumi maklumat tentang demografi isi rumah responden dan Bahagian B- Maklumat tentang sosioekonomi isi rumah responden sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darulaman.

Bentuk soalan bagi Bahagian A dan B ialah terbuka dan tertutup. Secara umumnya soalan Bahagian A mengandungi sebanyak 13 soalan dan Bahagian B merangkumi 8 soalan.

Analisis data dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif terhadap persoalan yang terdapat dalam objektif kajian. Teknik analisis yang digunakan melibatkan ujian frekuensi, peratusan dan min terhadap unit-unit analisis terlibat seperti pendapatan, kemudahan asas dan umur. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk grafik dan jadual supaya menampakkan kejelasan perbandingan fenomena sebelum dan selepas keadaan responden.

HASIL KAJIAN

Strategi pembangunan Bandar Darulaman yang berfungsi sebagai kawasan perindustrian, perdagangan, pelancongan, perkhidmatan dan kemudahan lain memainkan peranan penting dalam mencorakkan pembangunan di kawasan sekitarnya. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, terdapat pembaharuan terhadap taraf sosioekonomi dan budaya penduduk di kampung-kampung tradisional yang telah dikenal pasti di sebalik pembangunan yang di laksanakan pembangunan Bandar Darulaman. Dalam bahagian ini, perbincangan tertumpu kepada kesan pembangunan terhadap taraf ekonomi penduduk kampung tradisional dalam kawasan kajian sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darulaman.

Latar Belakang Responden

Umur

Kajian yang dijalankan terhadap keempat-empat buah kampung mendapati taburan umur responden kajian yang paling tinggi ialah 62 tahun dengan jumlah sebanyak 20.5 peratus dan diikuti oleh kumpulan umur 23 tahun dengan peratusan sebanyak 20.1 peratus. Di sini terdapat dua peringkat umur yang ekstrem semasa kajian dijalankan. Satu peringkat umur yang dikategorikan sebagai orang tua dan satu peringkat lagi dikategorikan sebagai golongan remaja. Kumpulan remaja ini terdiri daripada golongan yang sudah berumah tangga dan mempunyai sumber pekerjaan setaraf dengan kemahiran dan pendidikan yang dimiliki oleh mereka (Jadual 4.1). Gambaran menyeluruh berkenaan dengan kategori umur responden di kampung tersebut boleh dilihat menerusi min umur responden berusia 43.9 tahun, nilai umur penengah 43 tahun dan umur responden yang paling ramai ialah 62 tahun.

Jantina

Pecahan jantina kajian menunjukkan bahawa kaum lelaki masih lagi mendahului kaum wanita sebagai ketua isi rumah. Sebanyak 222 responden (79.9 peratus) ialah lelaki dan 56 responden (20.1 peratus) kaum wanita. Manakala sejumlah 20.1 peratus wanita dalam kajian ini terdiri daripada janda yang telah kematian suami atau telah bercerai (Jadual 4.2).

Jadual 4.1
Taburan Umur Responden Kawasan Kajian

Umur (Tahun)	Kekerapan	Peratusan
23	56	20.1
28	2	0.7
30	51	18.3
34	3	1.1
35	1	0.4
36	6	2.2
39	3	1.1
42	2	0.7
43	42	15.1
45	3	1.1
48	2	0.7
49	1	0.4
54	2	0.7
56	1	0.4
57	3	1.1
58	1	0.4
62	57	20.5
63	3	1.1
64	5	1.8
65	29	10.4
66	1	0.4
74	3	1.1
80	1	0.4
JUMLAH	278	100

Jadual 4.2
Taburan Jantina Responden Kawasan Kajian

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	222	79.9
Perempuan	56	20.1
Jumlah	278	100

Status Perkahwinan

Kajian yang dijalankan ini memberikan keistimewaan kepada institusi keluarga dengan menjadikan responden di kalangan ketua isi rumah. Pecahan responden kajian mengikut status perkahwinan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.3. Jadual ini menunjukkan kepada kita bahawa majoriti responden terdiri daripada mereka yang masih mempunyai pasangan hidup dengan jumlah sebanyak 73.6 peratus. Ini menggambarkan kepada kita bahawa institusi keluarga masih lagi dikawal oleh pasangan.

Manakala keluarga yang terdiri daripada janda/duda juga memainkan peranan penting kerana ia akan menentukan corak pengurusan keluarga dalam institusi kekeluargaan. Golongan ibu tunggal atau bapa tunggal ini agak besar jumlahnya dalam kawasan kajian dengan jumlah sebanyak 23.7 peratus daripada 278 responden.

Jadual 4.3
Status Perkahwinan Responden

Status Kahwin	Kekerapan	Peratusan
Kahwin	212	76.3
Janda/Duda	66	23.7
Jumlah	278	100

Bangsa

Kajian yang dijalankan secara *convenience random sampling* ini mendapati majoriti penghuni kawasan kajian terdiri daripada orang Melayu yang mewakili jumlah 98.9 peratus. Manakala kaum India pula terdiri daripada 1.1 peratus. Ini menunjukkan bahawa kawasan kampung tradisi terdiri daripada kaum Melayu (Jadual 4.4).

Bilangan Isi Rumah

Taburan bilangan isi rumah yang paling ramai tertumpu kepada jumlah enam orang dalam sesebuah keluarga dengan 79 peratus. Ini diikuti oleh tiga orang dalam sebuah keluarga. Walau bagaimanapun, bilangan

isi rumah dalam kawasan kajian mencecah jumlah sebelas orang dengan 1.1 peratus. Perangkaan ini menggambarkan bahawa responden-responden kawasan kajian mempunyai jumlah isi rumah yang sederhana ramai. Perangkaan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 merupakan bilangan isi rumah yang termasuk ibu bapa serta anak-anak.

Jadual 4.4
Bangsa Responden Kawasan Kampung Tradisi

Bangsa	Kekerapan	Peratusan
Melayu	275	98.9
India	3	1.1
Jumlah	278	100

Jadual 4.5
Bilangan Isi Rumah Responden Kawasan Kajian

Bil. Isi Rumah	Kekerapan	Peratusan
2	14	5.0
3	65	23.4
4	40	14.4
5	1	0.4
6	79	28.4
7	41	14.7
8	4	1.4
9	31	11.2
11	3	1.1
Jumlah	278	100

Jangka Masa Menetap

Daripada maklumat yang diperoleh, menunjukkan bahawa majoriti daripada responden tinggal di kediaman atau kawasan kajian dalam jangka masa 55 tahun (19.8 peratus). Dalam perspektif jangka masa menetap ini, terdapat dua kes yang menunjukkan kepada kita keluarga baru yang menghuni di kawasan kajian dalam jangka masa

yang agak baru, iaitu tiga-lima tahun dengan jumlah kes sebanyak 58 buah keluarga. Satu lagi ekstrem peringkat ialah jangka masa menetap selama 80 tahun dengan satu kes. Walau bagaimanapun, daripada Jadual 4.6 menunjukkan taburan jangka masa menetap adalah pelbagai dan nilai purata responden yang menetap di kawasan-kawasan kajian adalah 36.75 tahun.

Jadual 4.6
Jangka Masa Menetap Responden di Kawasan Kajian

Jangka Masa Menetap (Tahun)	Kekerapan	Peratusan
20	28	10.1
23	55	19.8
25	8	2.9
27	6	2.2
3	44	15.8
30	4	1.4
36	6	1.1
39	1	0.4
4	2	0.7
40	29	10.4
42	5	1.8
48	2	0.7
5	12	4.3
54	2	0.7
58	1	0.4
62	31	11.2
64	3	1.1
66	1	0.4
80	1	0.4
9	40	14.4
Jumlah	278	100

Taraf Pendidikan

Kebanyakan daripada responden kajian mendapat pendidikan hanya setakat sekolah menengah sahaja dengan jumlah sebanyak

81.7 peratus. Daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa tiada di kalangan responden yang tidak mempunyai pendidikan, paling rendah tahap pendidikan yang diperoleh ialah peringkat sekolah rendah. Ini boleh ditafsirkan bahawa mereka tidak buta huruf kerana pernah terdedah dengan sistem pendidikan formal (Jadual 4.7).

Jadual 4.7
Perolehan Pendidikan di Kalangan Responden

Taraf Pendidikan	Kekerapan	Peratusan
Sekolah Rendah	46	16.5
Sekolah Menengah	227	81.7
Institut Latihan Perindustrian	5	1.8
Jumlah	278	100

Jenis Pekerjaan

Pekerjaan Sebelum

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap ketua isi rumah, pekerjaan mereka sebelum Bandar Darulaman dibangunkan adalah lebih tertumpu kepada sektor pertanian seperti bersawah (36 peratus) dan tanaman sayuran (13 peratus); perladangan (25 peratus); tukang rumah (8 peratus) dan sektor perniagaan kecil-kecilan (18 peratus). Namun dengan wujudnya Bandar Darulaman yang telah mengubah corak pekerjaan penduduk kawasan kajian (Jadual 4.8).

Pekerjaan Semasa

Berdasarkan kepada kategori pekerjaan yang disediakan dalam soal selidik dan jenis pekerjaan yang diberikan oleh para responden menunjukkan bahawa kumpulan pesara (60 responden) merupakan golongan yang paling ramai mendiami kawasan kajian. Manakala golongan yang masih menjalankan kegiatan ekonomi paling ramai ialah perkhidmatan komputer (55 responden) dan gerai makan (42 responden).

Keseluruhan maklumat yang diperoleh daripada kajian menjelaskan bahawa kategori kerja swasta (60 responden) merupakan penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi keluarga responden yang berada di kawasan-kawasan kajian, diikuti oleh kerja sendiri (48 responden) dan kerajaan (22 responden).

Jadual 4.8
Pekerjaan Responden berdasarkan Kategori dan Jenis Pekerjaan

Kategori	Jenis Kerja	Kekerapan	%
Kerajaan	Guru	13	4.7
	Pesara**	60	21.6
	Kerani	6	2.2
	Universiti/Kolej/Maktab/ Institut	3	1.1
	Tiada Kaitan*	196	70.5
Swasta	Perkhidmatan Komputer	55	19.8
	Pegawai Keselamatan	2	0.7
	Mekanik	2	0.7
	Kilang	1	0.4
	Tiada Kaitan*	218	78.4
Sendiri	Gerai Makanan	42	15.1
	Suri Rumah**	88	31.7
	Peniaga Ikan	2	0.7
	Tukang Cat	3	1.1
	Pemandu Teksi/ Kereta Sewa	1	0.4
	Tiada Kaitan*	142	51.1

- Nota:*
- * Menjelaskan bahawa responden tidak bekerja di bawah kategori kerja tersebut.
 - ** Dianggap tidak bekerja dan kadangkala bekerja di tempat lain secara sampingan.

Tempat Bekerja

Maklumat kaji selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa lokasi bekerja responden sebahagian besarnya tertumpu di Bandar Darulaman dengan bilangan responden sebanyak 140 (50.4 peratus).

Ini memberikan gambaran kepada kita bahawa ramai di kalangan responden mempunyai faedah dengan terbinanya Bandar Darulaman. Manakala Tiada Kaitan yang dimaksudkan dalam Jadual 4.9 merupakan pilihan kepada responden yang tidak bekerja di Bandar Darulaman, Jitra dan Alor Star serta langsung tidak bekerja kerana disebabkan pencen terus (tanpa kerja sampingan) dan terlalu uzur.

Jadual 4.9
Lokasi Tempat Kerja Responden

Tempat Kerja	Kekerapan	Peratusan
Bandar Darulaman	140	50.4
Jitra	6	2.2
Alor Star	8	2.9
Tiada Kaitan	124	44.6
Jumlah	278	100

Kerja Sampingan

Memandangkan ramai responden yang bersara daripada kerja, kebanyakan mereka bekerja sebagai siak masjid di sekitar Bandar Darulaman, Jitra dan kampung di mana responden menetap. Sesuatu yang membanggakan kita adalah terdapat di kalangan responden yang bekerja sendiri dengan menjual, membekal dan memberikan perkhidmatan lain berkenaan dengan telefon bimbit. Selain itu, aktiviti lain yang dijalankan oleh para responden adalah seperti yang dijelaskan dalam Jadual 4.10 seperti perniagaan makanan dan pesawah padi.

Walaupun taraf pendidikan responden tidak begitu tinggi, namun sekurang-kurangnya keadaan buta huruf tidak berlaku kerana mereka pernah memperoleh pendidikan formal pada peringkat kanak-kanak dan remaja. Perkara yang boleh dibanggakan adalah kemampuan segelintir daripada penduduk bekerja sampingan dalam bidang telekomunikasi yang pastinya memerlukan sedikit-sebanyak kemahiran berfikir. Ini ada kaitan dengan keadaan masyarakat yang celik huruf dan berorientasikan kemajuan diri. Lantas, mereka sanggup berusaha dan bekerja sendiri serta mampu bekerja dengan

firma swasta untuk kelangsungan hidup. Dalam hal ini, bekerja dalam sektor awam bukan merupakan pilihan utama dan wajib bagi responden yang menetap dalam kawasan kajian.

Jadual 4.10
Maklumat Responden tentang Kerja Sampingan

Kerja Sampingan	Kekerapan	Peratusan
<i>Aircond Service</i>	12	4.3
Telefon Bimbit	55	19.8
Siak Masjid	26	9.4
Membuat Kuih/Makanan	3	1.1
Pesawah/Tanam Padi	4	1.4
Kerja Kontrak/Membaiki Jalan/Rumah	4	1.4
Tiada Kerja (Kaitan)	174	62.6
Jumlah	278	100

Perubahan Sosioekonomi Responden

Meneliti kepada persoalan perubahan sosioekonomi responden kajian, jelas menampakkan perubahan yang positif dalam banyak perkara seperti pendapatan tetap, tabungan harta dan pemilikan harta responden yang lain. Bagi melihat secara lebih dekat perubahan-perubahan tersebut, elok sekiranya dipaparkan dalam bentuk rajah sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darulaman (Rajah 4.1).

Perubahan Pendapatan Tetap Responden

Melihat kepada taraf pendapatan responden sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darul Aman, seolah-olah tidak banyak perbezaannya terutamanya pada tangga pendapatan kurang daripada RM300.00, RM301.00-RM500.00 dan RM901.00-RM1100.00. Perubahan ketara berlaku terhadap responden dari segi peningkatan peluang pekerjaan yang digambarkan dalam kategori

pendapatan tiada (tiada pendapatan) sebelumnya 1.8 peratus meningkat selepasnya kepada 11.9 peratus. Ini merupakan petanda baik yang mungkin wujud akibat daripada pembangunan Bandar Darulaman.

Pendapatan RM1101.00-RM1500.00 wujud selepas bekerja di bandar ini dan merupakan satu lagi petanda baik dari segi sumbangan Bandar Darulaman dalam menjana pendapatan yang lebih tinggi. Sebelum bekerja di bandar tersebut, responden gagal memperoleh pendapatan sehingga RM1500.00 walaupun pelbagai kerja dan usaha dijalankan oleh para responden terlibat. Ini menunjukkan selain daripada kesungguhan dan usaha, penentu kejayaan juga bergantung kepada persekitaran ekonomi dan juga peluang yang wujud.

Sekiranya soal pendapatan kurang daripada RM300.00, RM501.00-RM700.00 dan RM701.00-RM900.00 diteliti seolah-olah terjadi penurunan pendapatan responden secara agak ketara. Walau bagaimanapun, penurunan tersebut bukanlah merupakan keadaan sebenar pendapatan responden, tetapi ia seharusnya dilihat secara keseluruhan tingkat pendapatan. Penurunan tangga pendapatan responden kurang daripada RM 300.00 daripada selepas kepada sebelum bekerja sebenarnya diseimbangkan dengan peningkatan pendapatan RM301.00-RM500.00 dan RM1101.00-RM1500.00.


Oleh itu, peningkatan dan penurunan pendapatan responden sebelum dan selepas bekerja di Bandar Darulaman sebenarnya tidak banyak mendatangkan kesan terhadap tangga pendapatan tetap, bahkan sesetengah responden menikmati tangga pendapatan yang lebih baik berbanding dengan pekerjaan dahulu iaitu sebelum bekerja di bandar tersebut. Dalam hal ini, kebaikan kelihatan melimpahi kelemahan dalam banyak perkara (Rajah 4.1).

Tabungan Harta Responden

Menyentuh soal perubahan yang berlaku dalam tabungan harta responden banyak perkara yang boleh diketengahkan. Namun demikian, perkara yang perlu dilihat adalah responden banyak menikmati kebaikan dan kemewahan setelah bekerja di bandar ini. Boleh dikatakan, segala bentuk harta yang digariskan dalam soal selidik dimiliki oleh sebahagian responden. Ini berbeza dengan

keadaan responden sebelum bekerja di Bandar Darulaman kerana kebanyakan mereka hanya memiliki beberapa jenis harta sahaja (Rajah 4.2).

Rajah 4.1
Perbandingan Pendapatan Responden Sebelum dan Selepas Bekerja di Bandar Darulaman




Seperti pendapatan responden, kaedah pengiraan harta responden juga dikira berdasarkan pengumpulan secara keseluruhan harta responden setelah ditolak beberapa perkara yang tidak sepatutnya dimasukkan iaitu “tiada kaitan”, “tiada”, “ada-harga dirahsiakan” dan “tidak pasti”. Jawapan-jawapan tersebut merupakan persoalan kabur yang agak sukar diberikan pemberat. Oleh itu, ia telah diketepikan dalam pengiraan harta yang dinyatakan oleh responden.

Peralatan Rumah Responden

Berdasarkan pola pemilikan harta responden dalam Rajah 4.3, secara bandingannya kelihatan terdapat peningkatan sebahagian besar item yang diuji dalam kajian ini. Masing-masing memperlihatkan suatu corak peningkatan yang agak baik dan memuaskan daripada aspek peralatan rumah terutamanya mesin jahit, video, mesin basuh, televisyen dan sofa. Ini merupakan kesan daripada pembangunan ekonomi isi rumah responden yang berusaha menggunakan kemudahan yang dibangunkan oleh kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan.


Rajah 4.2

Perubahan Tabungan Harta Responden Sebelum dan Selepas Bekerja di Bandar Darulaman



Rajah 4.3

Perubahan Nilai Peralatan Rumah Responden Sebelum dan Selepas Bekerja di Bandar Darulaman



Pembangunan Bandar Darulaman dirancang selaras dengan peranan bandar yang ada di Malaysia iaitu untuk memajukan, meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar yang mundur. Justeru, diharapkan strategi utama kerajaan untuk mengagihkan pembangunan ekonomi dan sosial dari kawasan maju ke kawasan mundur diharapkan memberi faedah kepada semua. Jika diteliti berdasarkan kajian ini, dengan adanya pusat pertumbuhan pembangunan seperti Bandar Darulaman akan membuka peluang pekerjaan bagi meningkat pendapatan penduduk sekitar khususnya kampung berdekatan dengan secara tidak langsung.

Hasil daripada analisis yang telah dilakukan beberapa penemuan telah diperolehi. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan Bandar Darulaman jelas memperlihatkan fungsinya sebagai pusat pertumbuhan ekonomi bagi kawasan lain yang berhampiran dengannya. Sebagai contoh tingkat pendapatan penduduk di keempat-empat kampung tradisi telah meningkat selepas pembinaan Bandar Darulaman. Jika diteliti, statistik tingkat pendapatan penduduk di mana sebelum adanya Bandar Darulaman tingkat pendapatan yang paling tinggi adalah antara RM901-1100 dengan empat orang responden yang memiliki tangga gaji tersebut. Manakala selepas pembangunan Bandar Darulaman tingkat pendapat yang tertinggi telah meningkat kepada RM1101-1500 dengan 12 orang responden yang mempunyai pendapatan pada kadar tersebut. Situasi ini menjelaskan bahawa terdapat kesan peningkatan pendapatan di kalangan penduduk setelah wujudnya pembangunan di Bandar Darulaman.
- (ii) Kewujudan pelbagai peluang dalam sektor pekerjaan dan penyediaan kemudahan asas yang baik telah berjaya menarik minat penduduk luar daripada Bandar Darulaman untuk berhijrah dan menetap di bandar tersebut di samping merebut peluang pekerjaan yang ada di bandar berkenaan. Jika diteliti jumlah penduduk Bandar Darulaman telah meningkat dari masa ke masa kerana terdapat pelbagai peluang ekonomi di kawasan ini.
- (iii) Selain itu, terdapat juga peningkatan dalam pemilikan harta dan kelengkapan peralatan rumah serta tabungan selepas responden bekerja di Bandar Darulaman. Peningkatan jumlah pemilikan peralatan rumah yang sangat mendadak dapat dilihat bagi komponen televisyen iaitu selepas responden bekerja di Bandar Darulaman adalah seramai 161 berbanding hanya 121 responden sebelum bekerja di bandar tersebut. Fenomena ini menggambarkan bahawa keupayaan atau kuasa beli adalah semakin meningkat di kalangan responden terutamanya selepas bekerja di Bandar Darulaman. Selain daripada komponen televisyen,

komponen peralatan rumah yang juga menunjukkan peningkatan dalam jumlah pemilikan di kalangan penduduk di kampung-kampung tradisi ini. Ini menunjukkan bahawa dengan wujudnya pembangunan di Bandar Darulaman dapat membantu responden menikmati tahap penghidupan yang lebih baik jika dibandingkan daripada sebelumnya.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan pembangunan Bandar Darulaman adalah menepati kehendak sebenar pembangunan sesebuah bandar yang baik kerana kawasan sekitarnya turut sama merasakan kesan limpahan daripada pembangunan Bandar Darulaman. Misalnya kewujudan bandar ini dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan-kawasan sekitarnya. Selain itu, penduduk berdekatan turut menikmati pelbagai kemudahan ekoran daripada pembangunan bandar ini. Satu perkara yang sangat penting dan selaras dengan fungsi pembinaannya adalah pembangunan Bandar Darulaman juga telah berjaya menampung lebihan penduduk daripada bandar Alor Star dan bandar-bandar lain di negeri Kedah.

Kewujudan bandar ini juga seakan memberi nafas baru kepada penduduk sekitar dalam mengharungi arus pembangunan negara yang semakin rancak. Jika diperhatikan senario pembangunan di Bandar Darulaman menampakkan betapa pentingnya kewujudannya di antara Bandar Jitra dan Pekan Kepala Batas. Selain daripada peranan Bandar Darulaman untuk menyelerakkan pembangunan bagi mengelakkan kesesakan petempatan dan aktiviti ekonomi di bandar Alor Star, sebenarnya Bandar Darulaman juga mengambil alih fungsi bandar Jitra yang berdekatan dengannya. Penyelerakkan pembangunan yang giat menghala ke kawasan Bandar Darulaman juga dapat mengurangkan kesesakan aktiviti ekonomi seperti perniagaan di bandar Jitra yang kian meruncing kerana bandar ini menjadi tumpuan pelbagai aktiviti penduduk seharian selaras dengan fungsinya sebagai pusat pertumbuhan di wilayah utara negeri Kedah.

RUJUKAN

- Brooks, R. (1994). *New town and communal values: a case study of Colombia*. New York: Praeger Publishers.
- Campbell, C. (1976). *New town another way to live*. Virginia: Prentice Hall Company.
- Cherry, G. (1972). *Urban changer and planning: a history of urban development in Britian since 1950*. Oxford: G.T. Foulis & Co. Ltd.
- Clapp, J. (1971). *New town and urban policy, planning metropolitan growth*. Indiana: Cambridge University Press.
- Darulaman Realty Sdn. Bhd. (1993). Laporan Pembangunan Bandar Darulaman. Tidak diterbitkan (draf struktur).
- Ibrahim, Wahab. (1991). *Perancangan bandar: aspek fizikal dan kawalan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamilah, Abu Hassan. (1994). Kesan Pembangunan Bandar Baru Darulaman, Jitra Kedah Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Majlis Perbandaran Kota Setar (1996). *Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kota Setar 1985-2005*. Majlis Perbandaran Kota Setar.
- Majlis Perbandaran Alor Setar (1991). *Pelan struktur Alor Setar*. Majlis Perbandaran Kota Setar.
- Majlis Daerah Kubang Pasu (1996). *Rancangan Struktur Majlis Daerah Kubang Pasu 1990-2010*. Majlis Daerah Kubang Pasu.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: a skill-building approach*. (2rd edn.) New York: John Wiley & Sons, Inc.

Sulong, Mohamad. (1985). Perbandaran, isu dan pembangunan negara. Dlm Sulong Mohammad & Rahimah Abdul Aziz (Pnyt.), *Perbandaran dan pembangunan negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.